

Rujukan : UMT/BEND/100-4/8 Jld 5 (27)

Tarikh : 01 Januari 2024

Bersamaan : 19 Jamadilakhir 1445H

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab
Universiti Malaysia Terengganu

Assalamualaikum & Salam Sejahtera

Y.Bhg. Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan,

PEKELILING BENDAHARI BIL. 1 TAHUN 2024

BAJET 2024 DAN INISIATIF BELANJA BERHEMAH UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai **Bajet 2024 dan Inisiatif Belanja Berhemah Universiti Malaysia Terengganu.**

2. LATAR BELAKANG

2.1 Lembaga Pengarah Universiti melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah Kali Ke-86 Bil. 5 Tahun 2023 pada 20 November 2023 telah bersetuju meluluskan bajet UMT sebanyak **RM241.111 juta**. Perincian bajet dan sumber pembiayaan sepertimana berikut:

Jenis Bajet		Anggaran Belanja (RM)	Sumber Pembiayaan (RM)	
			Geran Kerajaan	Sumber Dalaman
Mengurus:		235,264,400	181,764,400	48,800,000
Operasi	230,564,400			
Dana Khas - Program Strategik	4,700,000			4,700,000
Kolej Kediaman		5,847,000		5,847,000
		241,111,400	181,764,400	59,347,000
			75%	25%

Jadual 1: Perincian bajet dan sumber pembiayaan yang diluluskan LPU Kali Ke-86 Bil. 5 Tahun 2023

- 2.2 Walaupun geran kerajaan sebanyak **RM181.764 juta** telah diluluskan untuk perbelanjaan mengurus universiti, penyaluran geran kerajaan adalah bergantung kepada keadaan ekonomi semasa negara.
- 2.3 Oleh itu, beberapa inisiatif baharu diwujudkan disamping pengekatan inisiatif belanja berhemah yang dilaksanakan sebelum ini.

3. INISIATIF/RASIONALISASI

Lembaga Pengarah Universiti juga bersetuju meluluskan inisiatif/rasionalisasi berikut yang bertujuan untuk mengurangkan penggunaan sumber dalaman universiti:

- 3.1 mengekalkan pemakaian pekiling belanja berhemah yang sedang berkuatkuasa:
- i) Rasionalisasi Elaun Pentadbiran dan Elaun Gantian Kenderaan;
 - ii) Manfaat telefon;
 - iii) Pindaan Kadar Elaun Perbatuan;
 - iv) penganjuran *retreat* PTj yang menggunakan peruntukan akaun amanah PTj adalah dihadkan kepada sekali untuk tempoh dua (2) tahun; dan
 - v) Pemberian Geran Komputer Riba

- 3.2 menggunakan akaun amanah PTj untuk menampung belanja operasi.;
- 3.3 Semakan semula yuran bersasar melibatkan Yuran Pascasiswazah – Mod Penyelidikan dan Yuran Orientasi Pelajar (yuran tidak berulang);

4. KAWALAN PERBELANJAAN

- 4.1 YAB Perdana Menteri melalui surat Arahan Kawalan Perbelanjaan Awam bertarikh 18 Oktober 2023 telah menyarankan semua Pegawai Pengawal melaksanakan kawalan perbelanjaan dengan rapi mengikut peraturan yang ditetapkan. Perbelanjaan awam perlulah dilaksanakan dengan berhemat, bersederhana dan selari dengan keperluan sebenar bagi mengurangkan komitmen kerajaan dan mengelakkan pembaziran sumber. Perkara berikut hendaklah dilaksanakan bagi memastikan perbelanjaan dibuat secara optimum selaras dengan peruntukan yang diagihkan pada tahun 2024 dan mematuhi Arahan Kawalan Perbelanjaan Awam :
 - i) penganjuran acara/majlis/keraian rasmi/mesyuarat/persidangan/seminar/bengkel dihadkan bagi program yang benar-benar perlu sahaja dan dibuat di premis atau pusat latihan awam (ILA);
 - ii) penggunaan sumber utiliti (sumber elektrik dan air) dan peralatan pejabat secara optimum;
 - iii) mengelakkan pembaziran penyediaan makan dan minum semasa mesyuarat atau program;
 - iv) menggalakkan mesyuarat diadakan secara dalam talian/persidangan video bagi mengurangkan belanja logistik, mengoptimumkan masa dan perbelanjaan ke atas tuntutan perjalanan;
 - v) bagi tempahan tiket penerbangan perlu berdasarkan perbandingan harga yang terbaik (bagi mendapatkan *value for money*), membuat perancangan awal dan turut digalakkan menempah menggunakan Kad Kredit Korporat; dan

- vi) mematuhi peraturan perjalanan rasmi bertugas ke luar negara sepertimana yang terkandung di dalam Arahan Setiausaha Jemaah Menteri Bil. 1 (2021) serta penjelasan di dalam PB 3.1 (Pindaan 2022) antaranya seperti berikut:
 - a) mesyuarat/rundingan berjadual/berkala atau persidangan yang telah diluluskan di dalam belanjawan tahunan dan benar-benar penting serta memberi impak yang signifikan kepada kepentingan negara; atau
 - b) mesyuarat/persidangan yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri.

4.2 Ketua Teras atau Ketua PTj hendaklah memastikan perkara berikut diambil kira bagi tujuan memastikan perbelanjaan dibuat secara berhemah dan terkawal:

- i) Perjalanan
 - Hadkan bilangan staf bertugas rasmi di luar kampus. **Staf yang berkeperluan sahaja diarahkan.**
 - Kaedah Perjalanan
Menggunakan **kaedah perjalanan yang menjimatkan kos & masa** (penerbangan vs kenderaan sendiri)
- ii) Bekalan - Elakkan memegang stok, pembelian hanya dibuat apabila memerlukan
- iii) Bengkel/Majlis - Bengkel/majlis digalakkan diadakan **DALAM kampus** atau di luar kampus dengan kos yang minima

iv) Elaun Lebih Masa (OT)

Dikawal dan bagi kerja yang benar-benar perlu sahaja dan bayaran OT adalah tertakluk kepada peruntukan. Sekiranya tuntutan melebihi peruntukan maka pegawai hanya layak menuntut cuti gantian.

5. PEMAKAIAN

5.1 Pekeliling/Surat Pekeliling Bendahari berkaitan belanja berhemah yang dikeluarkan sebelum pekeliling ini masih lagi terpakai.

5.2 Inisiatif yang dinyatakan di atas akan disemak kembali semasa sesi semakan semula bajet setengah tahun dengan mengambilkira kedudukan kewangan semasa UMT.

6. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling Bendahari ini dikuatkuasakan pemakaiannya mulai pada **01 Januari 2024**.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



AZIZAH BINTI HASAN

Bendahari

Universiti Malaysia Terengganu

s.k:

1. Naib Canselor
2. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

3. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
4. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
5. Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat, Jaringan Industri dan Masyarakat)
6. Penolong Naib Canselor (Strategi dan Prestasi)
7. Fail